

**Janji Pembangkang Cecah RM200 Bilion, Akan Bankrapkan Negara
Bernama
6 Ogos, 2012
Oleh Shukran Shaharudin**

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Dalam keghairahan pembangkang menabur janji bagi menarik sokongan menerusi potongan cukai, menurunkan harga bahan bakar, menghapuskan pinjaman PTPTN, menyediakan pendidikan tinggi percuma, sedar-sedar kosnya sudah mencecah hampir RM200 bilion, jumlah yang boleh membankrapkan negara.

Sejak menghadapi pilihan raya umum 2008, pembangkang juga turut berjanji mahu mengambil alih konsesi lebuhraya dan menghapuskan tol; menaikkan royalti minyak untuk Sabah dan Sarawak sebanyak 20 peratus; menurunkan harga kereta menerusi penurunan cukai import, dan pemberian tunai bagi memastikan pendapatan isi rumah minimum RM4,000.

Ramai masih ingat forum debat yang dianjurkan antara Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelang PRU 2008 dengan Menteri Penerangan ketika itu Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berikutan Anwar mendabik dada boleh menurunkan harga minyak sebaik sahaja menjadi kerajaan persekutuan.

Selain dakwaan Anwar yang beliau dapat menampung subsidi minyak lebih tinggi dengan menyekat pembaziran dan ketirisan, tiada pelan terperinci dikemukakan bagaimana beliau hendak menepati janji-janjinya termasuk menurunkan harga minyak.

Sebaliknya kerajaan terus berusaha mengambil pelbagai inisiatif bagi mengurangkan beban rakyat tanpa menjejaskan kewangan negara. Sejak 1 Sept 2009, jualan petroleum RON92 dihentikan dan RON97 yang harganya RM2.7 satu liter diapung mengikut harga pasaran. RON95 dijual lebih murah iaitu RM1.90 seliter menerusi subsidi.

Sebanyak RM17 bilion diperuntuk untuk subsidi bahan api iaitu petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) pada tahun 2011. Jadi untuk mengurangkan lagi harga minyak daripada kadar sekarang tentulah kerajaan perlu mengadakan beberapa bilion untuk tujuan itu

Pada tahun ini, kerajaan dijangka membelanjakan sebanyak RM18.92 billion untuk subsidi minyak dan bahan api terbabit, peningkatan sebanyak RM1.92 bilion berbanding tahun lepas, dan, itu belum harganya diturunkan lagi, namun sehingga kini harga minyak yang disubsidi masih kekal walaupun sudah masuk bulan Ogos.

Pembangking juga meminta Khazanah Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan lain-lain badan milik kerajaan yang memiliki konsesi lebuhraya, supaya menyempurnakan pengambilan alih aset dengan tujuan menghapuskan tol.

Kos yang terpaksa ditanggung kerana memansuhkan tol lebuhraya akan mencecah RM50 bilion hingga RM100 bilion di mana jumlah ini amat besar dan melebihi 6.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta kos yang tinggi ini akan memberikan implikasi kepada kewangan negara.

Apa yang dilakukan kerajaan sekarang ialah menstruktur semula PLUS Berhad dengan membolehkan kadar tol di empat buah lebuhraya tidak akan dinaikkan bagi tempoh lima tahun seperti mana diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Memetik kenyataan setiausaha Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Abdul Rahman Dahlan, Anwar juga dilaporkan menjanjikan untuk menaikkan royalti minyak Sabah dan Sarawak daripada lima peratus kepada 20 peratus, bahkan enggan mengalah, pemimpin pembangkang lain seperti Datuk Dr Jeffrey Kitingan pula menjanjikan sehingga 50 peratus!

Untuk makluman, kenaikan royalti bagi Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan itu dianggarkan melebihi RM10 bilion setahun di mana Sarawak dan Terengganu mengeluarkan lebih banyak minyak daripada Sabah.

Oleh itu, Abdul Rahman berpendapat kemungkinan Sabah akan menikmati royalti minyak lebih besar tetapi di akhirnya, ia juga mungkin mendapat peruntukan kurang daripada kerajaan pusat berbanding sebelumnya kerana ia peruntukan itu adalah budi bicara perdana menteri sekiranya pembangkang menang pilihan raya umum kelak.

Janji yang dianggap paling manis pembangkang ialah penyelarasan gaji minimum sebanyak RM4,000 dengan tidak mengambil kira sama ada pekerja dari sektor awam dan swasta, dan apabila kerajaan mengumumkan gaji minimum sebanyak RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah/Sarawak, pembangkang pula mengumumkan sebanyak RM1,100.

Sekiranya penjawat awam diberi gaji minimum RM4,000 seorang dengan sebahagian daripada 1.2 juta anggotanya mendapat faedah, sudah tentu satu jumlah besar akan terbabat. Persoalan kepada syarikat swasta, yang tentunya mementingkan keuntungan pula, mampukah mereka memberikan jumlah sebanyak itu untuk gaji minimum ?

Ketua Penyelidikan dan Perundingan Kluster Ekonomi dan Kewangan Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Dr. Shazali Abu Mansor dilaporkan sebagai berkata usaha pembangkang itu akan membabitkan sejumlah wang RM200 bilion setahun dan hanya akan menyebabkan negara terpaksa meningkatkan cukai dan membuat pinjaman dari negara luar.

"Kerajaan akan menanggung beban sebanyak RM43 bilion jika pinjaman itu dimansuhkan. Ada tiga kerajaan yang beri pendidikan percuma sedemikian termasuk Norway tetapi cukai yang dikenakan kepada rakyat sangat tinggi.

Adakah kita nak naikkan cukai kepada rakyat untuk hapuskan pinjaman PTPTN? Sudah pasti kita tak mahu," kata Najib dalam satu majlis di Johor.

Begitu juga janji pembangkang yang mahu harga kereta serta duti eksais diturunkan yang mana ia hanya akan mengurangkan cukai negara sebanyak RM7bilion, seterusnya boleh menyebabkan rakyat yang sepatutnya mendapat hasil pendapatan kerajaan itu tidak dapat dibantu.

Ia juga tidak dapat tidak, secara langsung atau tidak akan menjejaskan perniagaan kereta terpakai kerana masyarakat tidak lagi mahu membeli kereta terpakai kerana harga kereta baharu yang lebih murah.

Jadi, jika kos yang terbabit di dalam janji pembangkang ini dicampurkan, ia mungkin melebihi RM300 bilion, tidak termasuk tiga perkara yang lain iaitu royalti minyak Sabah dan Sarawak, gaji minimum dan penurunan harga minyak.

Setiausaha BN dan Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Syed Ali Alhabshee berkata kesemua cadangan pembangkang itu boleh menyebabkan negara mufliis dengan kadar pengangguran meningkat secara mendadak.

"Cadangan ini tidak waras yang dibuat untuk memancing undi tanpa memikirkan kesan jangka panjang kepada rakyat dan negara. Saya tak yakin langsung dengan janji-janji pembangkang yang hanya retorik dan gila kuasa," katanya.

Contohnya kutipan cukai kereta sebanyak RM4.5 bilion setahun akan hilang dan menyebabkan usaha kerajaan untuk membina kemudahan prasarana rakyat akan tergendala, sebagai contoh jalan dan hospital," katanya kepada Bernama.

Anggota Parlimen Bebas Bayan Baru Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim berkata parti pembangkang boleh berjanji apa yang mereka suka tetapi persoalannya mampukah mereka menunaikannya kelak.

"Kita lihat apabila mereka menjadi kerajaan di Pulau Pinang, banyak perkara yang tidak mampu mereka laksanakan seperti pilihan raya kerajaan tempatan dan sebagainya lagi. Ini bukan isu yang menjadi realiti. Perjuangan untuk meletakkan kepentingan rakyat bukan keutamaan tetapi perjuangan untuk menjadi perdana menteri itu didahulukan," katanya. --
LAGI

"Sikap sebenar individu tertentu di dalam pembangkang ini ialah menetapkan sasaran untuk menjadi perdana menteri walau apa jua rintangannya dengan menggunakan jentera parti untuk membawa janji-janji manis kepada rakyat," katanya.

Beliau menyifatkan sekiranya rakyat tergoda dan memilih mereka yang mudah berjanji, dia mengambil risiko yang tinggi dan boleh menyesal di kemudian hari.

"Perkara ini juga boleh dirujuk kepada pakar-pakar ekonomi sama ada ia boleh diimplementasi ataupun sebaliknya. Pakar ekonomi juga tahu kedudukan kewangan negara dan mustahil boleh dilaksanakan," katanya.

Katanya, pembangkang juga sering mengaitkan perbelanjaan negara dengan isu rasuah dan ketirisan.

"Kalau sekiranya kita hendak menangani rasuah, bukan hanya kerajaan, tetapi semua rakyat juga harus bertanggungjawab. Isu rasuah berlaku di mana-mana negara pun," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685943>